

Berpatutan untuk semua golongan

Belanjawan tak beliankan rakyat Musa



DATUK MUSA HITAM

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Musa Hitam memberi jaminan bahawa Belanjawan tahun depan adalah adil dan tidak akan membebankan rakyat.

Belanjawan itu adalah berpatutan bagi semua golongan, berdasarkan kepada kedudukan kewangan dan pembangunan negara, sekarang.

Dalam ulasan pertama mengenai Belanjawan yang akan dibentangkan pada 21 Oktober depan, Pemangku Perdana Menteri yang juga Pemangku Menteri Kewangan berkata, Belanjawan itu akan melambungkan hasrat kerajaan mewujudkan keadaan yang realistik dan saksama kepada setiap rakyat di negara ini. Ia akan memenuhi kehendak dan keperluan semua rakyat.

Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah akan membentangkan Belanjawan 1984 itu dalam sidang Parlimen 21 Oktober depan dan akan dibahaskan.

Berita Harian difahamkan, kenyataan Datuk Musa itu membayangkan bahawa rakyat berpendapatan kecil tidak akan terjerjas dengan beberapa pedak akan terjual yang akan dikenakan.

Sebaliknya, kepentingan rakyat miskin dan kaum lain akan terus dibela, meskipun keadaan ekonomi masih belum berapa pulih.

Sebagaimana tahun sebelumnya, kerajaan akan terus memberi tumpuan terhadap pembangunan ekonomi dan sosial kepada masyarakat.

Perubahan

Adalah dijangkakan, beberapa galakan untuk sektor swasta akan diberikan berikutan perubahan dasar kerajaan sekarang.

Bagaimanapun, galakan untuk sektor pertanian tidak akan diketepikan, malah ditingkatkan.

Datuk Musa berkata, kerajaan telahpun menyiapkan laporan akhir mengenai Dasar Pertanian Negara dan akan membentangkannya kepada kabinet, bulan depan.

Menurutnya, sektor pertanian akan terus diberi keutamaan meskipun kerajaan menumpukan di bidang sektor perindustrian.

Dasar itu akan mengandungi strategik dan pelaksanaan yang akan dijalankan di bawah Dasar Pertanian Negara.

Meskipun, Dasar Pertanian Negara itu tidak secara langsung termasuk dalam Belanjawan, tetapi dijangkakan penekanan terhadap sektor itu mendapat tumpuan penting.

Datuk Musa juga berkata, Belanjawan 1984 itu akan ditelaah akan mengikut keperluan dan kemajuan ekonomi negara, sekarang.

Katanya, ia juga akan mengambil kira terhadap hakikat pembangunan negara.

Jelasnya, kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Keempat akan digambarkan di dalam Belanjawan itu kelak.

Datuk Musa menyatakan demikian ketika diminta menjelaskan bentuk Belanjawan, yang kini mula menjadi tajuk perbualan rakyat di negara ini.

"Belanjawan tahun ini adalah wajar, dilaksanakan mengikut keadaan pembangunan sebenar dan kehendak pembangunan ekonomi negara," legannya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia